

Bayaran Balik Pembiayaan Peribadi Sektor Awam-i di bawah Penambahbaikan Program Bantuan Bersasar CIMB

Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat untuk Penambahbaikan Program Bantuan Bersasar CIMB (“Program”)

Bayaran Balik Pembiayaan Peribadi Sektor Awam-i di bawah Penambahbaikan Program Bantuan Bersasar CIMB

1. Dalam terma-terma dan syarat-syarat tambahan ini (“Syarat-syarat dan Terma-terma Tambahan”) kepada Terma-terma dan Syarat-syarat untuk Penambahbaikan Program Bantuan Bersasar CIMB (“Program”), CIMB Islamic Bank Berhad [No. Syarikat 200401032872 (671380-H)] adalah dirujuk sebagai "Bank".
2. Pelanggan dari Pembiayaan Peribadi Sektor Awam-i CIMB ("Produk") yang telah diluluskan untuk menyertai Program ("Pelanggan Layak") akan layak untuk mendapatkan bayaran balik (“Bayaran Balik”) seperti yang dinyatakan di bawah semasa Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan atau Tempoh Pengurangan Ansuran 50% seperti yang dipilih oleh pelanggan di bawah Program.

“Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan” dan “Tempoh Pengurangan Ansuran 50%” (secara kolektif dirujuk sebagai “Tempoh Bayaran Balik”) hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrifkan dalam terma-terma dan syarat-syarat untuk Program.
3. Bayaran Balik membolehkan Pelanggan Layak untuk mendapatkan daripada Bank bayaran balik potongan gaji (untuk bulan dalam Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan atau Tempoh Pengurangan Ansuran 50%, mengikut mana yang berkenaan) oleh Biro Perkhidmatan Angkasa (**BPA**) melalui pengatur bayaran yang berkenaan semasa Tempoh Bayaran Balik tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan ini.
4. Jumlah Bayaran Balik hendaklah sama ada penuh atau 50% dari jumlah yang dipotong oleh BPA melalui pengatur bayaran yang berkenaan semasa Tempoh Bayaran Balik, bergantung pada pilihan yang diambil oleh Pelanggan Layak di bawah Program.
5. Bayaran Balik untuk Pelanggan Layak yang mempunyai Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i dalam Status Aktif yang dikekalkan dengan Bank atau CIMB Bank Berhad
 - 5.1 Untuk Pelanggan Layak yang mempunyai Akaun Semasa / Akaun Simpanan atau Akaun Semasa-i/ Akaun Simpanan-i dalam status aktif yang dikekalkan dengan Bank atau CIMB Bank Berhad (“**CASA/CASA-i**”), Bayaran Balik akan dikreditkan

ke akaun CASA/CASA-i beliau setelah Bank menerima potongan gaji dari BPA melalui pengatur bayaran. Untuk mengelakkan keraguan, CASA/CASA-i untuk tujuan Bayaran Balik mestilah akaun yang dipegang secara tunggal oleh Pelanggan Layak dan bukan akaun bersama yang dipegang dengan pihak lain.

- 5.2 Jika Pelanggan Layak mempunyai lebih daripada satu (1) akaun CASA/CASA-i, Bayaran Balik akan dikreditkan ke akaun CASA/CASA-i yang mempunyai baki kredit tertinggi.
 - 5.3 Untuk Pelanggan Layak yang mempunyai akaun CASA/CASA-i dalam status aktif, dia tidak dibenarkan untuk meminta Bayaran Balik dikreditkan ke dalam akaun yang dikekalkan dengan institusi kewangan lain.
6. Bayaran Balik untuk Pelanggan Layak yang mempunyai Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i dalam Status Tidak aktif/Ditutup atau Tidak Mempunyai Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i
- 6.1 Untuk Pelanggan Layak yang mempunyai CASA/CASA-i dengan status tidak aktif/ditutup atau yang tidak mempunyai CASA/CASA-i, beliau boleh meminta Bayaran Balik melalui *Interbank Giro* ("IBG") dengan:
 - i) Menghubungi Pusat Panggilan Bank di talian 03-6204 7788; atau
 - ii) Kunjungi mana-mana cawangan Bank.

Untuk (i) dan (ii) di atas, Pelanggan Layak mesti memberitahu Bank mengenai butiran akaun semasa/simpanan IBG untuk Bayaran Balik yang akan dikreditkan.
 - 6.2 Akaun semasa/simpanan yang dipilih oleh Pelanggan Layak untuk menerima Bayaran Balik mestilah akaun yang dipegang secara tunggal oleh Pelanggan Layak dan bukan akaun bersama yang dipegang dengan pihak lain.
 - 6.3 Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk mengesahkan dengan bank benefisi beliau sama ada akaun simpanan/simpanan semasa beliau dengan bank benefisiari boleh menerima Bayaran Balik melalui IBG.
 - 6.4 Pengkreditan Bayaran Balik ke akaun semasa/simpanan Pelanggan Layak dengan bank benefisiari adalah tertakluk kepada prosedur operasi standard bank benefisiari.

- 6.5 Setelah permintaan berjaya, Bayaran Balik akan dikreditkan melalui IBG ke dalam akaun semasa/simpanan dengan bank benefisiari yang dipilih selepas Bank menerima potongan gaji dari BPA melalui pengatur bayaran.
- 6.6 Jika permintaan Bayaran Balik tidak berjaya, potongan gaji yang diterima dari BPA melalui pengatur bayaran akan dianggap sebagai Bayaran Pendahuluan dan Pelanggan Layak boleh meminta Bayaran Balik semula mengikut klausa 6.1.

Terma-terma dan Syarat-syarat Am

7. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai untuk mendapat Bayaran Balik, beliau:
- i. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuannya terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan ini;
 - ii. memberi persetujuan kepada Bank untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - iii. bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara adil dan munasabah oleh Bank berhubung dengan setiap aspek Bayaran Balik adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - iv. bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan Layak sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajibannya dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan ini disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - a. kegagalan peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
 - b. kegagalan elektrik;
 - c. pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - d. apa-apa bencana alam (“act of God”) di luar kawalan Bank; atau
 - e. apa-apa faktor dalam bentuk force majeure yang berada di luar kawalan munasabah Bank.
8. Pelanggan Layak akan hilang kelayakan untuk menyertai untuk mendapat Bayaran Balik semasa Tempoh Bayaran Balik dan/atau sebelum Tempoh Bayaran Balik jika Produk ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang.
9. Bank berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang ia tentukan akan:
- i. mengganggu proses penyertaan; dan/atau

- ii. bertindak memungkiri Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan ini.
10. Bank berhak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Tempoh Bayaran Balik dengan memberikan notis terlebih dahulu tujuh (7) hari kalendar atau menurut apa-apa arahan dari BNM kepada Pelanggan Layak melalui:
 - i. pengumuman di laman web Bank; dan/atau
 - ii. notis di cawangan-cawangan Bank; dan/atau
 - iii. melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh Bank.
 11. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kehilangan, kerugian, kos atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung dari pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Bayaran Balik.
 12. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas) akibat daripada:
 - i. penyertaan Pelanggan Layak dalam Program ini; dan/atau
 - ii. Sebarang ketidakterimaan atau kelewatan di mana ketidakterimaan dan/atau kelewatan bukan disebabkan oleh kesalahan Bank.
 13. Pelanggan Layak mesti memastikan nombor telefon mereka dalam rekod Bank adalah terkini dan dikemaskini. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak atas segala kerugian yang timbul daripadanya, dialami atau ditanggung sekiranya nombor telefon bimbit yang dikekalkan dalam rekod Bank bukan terkini atau tidak betul.
 14. Bank berhak untuk mengubah, menambah, memadam atau meminda mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan di sini (“**Pindaan**”) dengan memberikan notis terlebih dahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan Layak melalui:
 - i. pengumuman di laman web Bank; dan/atau
 - ii. notis di cawangan-cawangan Bank; dan/atau
 - iii. iklan di satu surat khabar pilihan Bank; dan/atau
 - iv. melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh Bank.
 15. Pindaan akan dianggap mengikat Pelanggan Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh Bank dalam notifikasi.

16. Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web Bank pada selang masa yang tetap untuk menyemak dan mengikuti apa-apa perubahan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan ini.
17. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak atas sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung dari Pindaan tersebut.
18. Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan ini akan mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam bahan lain yang mengiklankan Bayaran Balik ini.
19. Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan ini tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan, arahan, notis semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”) atau mana-mana perbadanan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas Bank dari semasa ke semasa.
20. Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan (“**CRU**”) Bank untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Bayaran Balik melalui surat, panggilan telefon, dan e-mel:

Alamat: Unit Resolusi Pelanggan (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan

No Telefon: +603 6204 7788

E-mel: cru@cimb.com

21. Bank boleh mengubah maklumat perhubungan di atas dengan memberitahu Pelanggan Layak dengan pengumuman di laman web Bank atau melalui cara notifikasi lain yang ditentukan oleh Bank.